

Pelajar UMP

melalui kehidupan harian seorang penternak

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit
bhvariti@bh.com.my

► Yogyakarta

Seramai 38 ahli Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalani rutin harian penternak ketika menjayakan program 'Projek Titik Sentuhan @ Yogyakarta' di Dusun Ngepring, baru-baru ini.

Peserta berpeluang menikmati pengalaman berharga apabila menetap dengan keluarga angkat di daerah yang terletak di Kabupaten Sleman yang terkenal sebagai pusat penternakan lembu dan kambing tenusu bermutu tinggi.

Dengan bantuan 15 mahasiswa Universitas Yogyakarta (UTY), pelajar UMP bukan saja menjalani rutin harian termasuk pemerah susu lembu dan kambing serta membersihkan kandang ternakan, malah, berpeluang memasarkan susu yang diperah di koperasi tempatan.

Mereka turut turun padang mencari rumput dan memberi makan haiwan ternakan.

Program mobiliti antarabangsa itu julung kali dianjurkan Kelab In-Smartive dan mendapat sokongan Pejabat Menteri Besar Pahang serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang selain kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP serta UTY.

Pengurus Projek, Brahma Wirapati Rossi, 20, berkata objektif utama penganjuran program adalah menanda aras amalan terbaik program berdamping dengan masyarakat serta khidmat komuniti secara berstruktur yang dilaksanakan universiti di Indonesia.

Katanya, projek itu juga memberi peluang pelajar kedua-dua universiti terbabit berganding bahu mentransformasi Dusun Ngepring sebagai Desa Binaan UMP-UTY secara lestari.

"Program mendekati masyarakat ini dijalankan secara sistematik melalui mekanisme Kuliah Kerja Nyata dan Desa Binaan

OBJEKTIF UTAMA PENGANJURAN PROGRAM ADALAH MENANDA ARAS AMALAN TERBAIK PROGRAM BERDAMPING DENGAN MASYARAKAT"

Brahma Wirapati Rossi,
Pengurus Projek



Mahasiswa UMP berpeluang melawat Panti Asuhan Yatim Putri 'Aisyiyah' ketika berkunjung ke Yogyakarta, baru-baru ini.

yang menuntut penyertaan mahasiswa secara menyeluruh," katanya yang berasal dari Jakarta.

Program mendekati masyarakat
Sementara itu, Presiden Kelab In-Smartive UMP, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, 23; berkata pelaksanaan inisiatif Desa Binaan sebagai program mendekati masyarakat boleh diaplikasi dalam gerak kerja kemasyarakatan kelab itu.

"Usaha mentransformasi Dusun Ngepring sebagai Desa Binaan UMP-UTY adalah manifestasi komitmen berterusan kedua-dua universiti ini yang tidak akan terhenti di sini saja", katanya.

Mahasiswa jurusan seni bina UTY, Helmi Fuad Nur, 20, berkata peluang berinteraksi dengan mahasiswa UMP dalam Projek Titik Sentuhan memberikan pendedahan berguna mengenai UMP dan Malaysia kepada beliau yang turut terpilih mengikuti program pertukaran pelajar UTY-UMP itu.

"Walau dibatasi sempadan geografi dan politik, hakikatnya, masyarakat Indonesia-Malaysia tetap serumpun dan silaturrahim erat itu dizahirkan melalui interaksi sepanjang program berlangsung," katanya.

Bersempena dengan program itu juga, mahasiswa UMP berkesempatan memperkenalkan keunikan makanan Malaysia melalui penyediaan nasi lemak oleh mahasiswa sendiri.

Program turut dimeriahan dengan perlawanan bola tampar persahabatan, demonstrasi membuat kraf tangan, sesi berdialog dan mengecat Masjid Baiturrahman, sesi perbincangan bertajuk "Pariwisata Sebagai Penggerak Ekonomi Lokal", lawatan ke Panti Asuhan Yatim Putri 'Aisyiyah' dan Sekolah Menengah Atas



Mahasiswa UMP dan UTY bekerjasama dalam menjayakan program 'Projek Titik Sentuhan @ Yogyakarta' di Dusun Ngepring, baru-